



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS PECAH TANAH DAN SESI PENGUNDIAN RUMAH WILAYAH
PERSEKUTUAN (RUMAWIP) RESIDENSI ENESTA KEPONG**

TAPAK RUMAWIP RESIDENSI ENESTA KEPONG, JALAN KEPONG

16 MEI 2017, SELASA | 11.30 PAGI

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Terima Kasih Pengacara Majlis,

(*Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian*)

Rakan-rakan media,

**Dif - Dif Jemputan, Datuk-Datuk, Tuan -Tuan dan Puan-Puan yang
saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.

2. Pada hari ini saya berbesar hati untuk melancarkan **Majlis Pecah Tanah dan Sesi Pengundian RUMAWIP Residensi Enesta**

Kepong yang dibangunkan oleh Syarikat Thriven Amona Sendirian Berhad yang merupakan syarikat usahasama di antara Thriven Global Berhad dan Amona Group of Companies. Pembangunan projek ini adalah satu lagi inisiatif Kerajaan dalam usaha memperbanyakkan lagi penyediaan rumah mampu milik kepada warga Wilayah Persekutuan agar setiap individu atau keluarga boleh memiliki rumah di Kuala Lumpur khususnya.

3. Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Thriven Amona Sendirian Berhad kerana bersama-sama dengan Kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan yang memerlukan. Usaha sebegini wajar dicontohi lebih ramai lagi pemaju lain supaya hasrat kita untuk memperbanyakkan lagi kediaman RUMAWIP dapat direalisasikan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Projek RUMAWIP Residensi Enesta Kepong ini dibangunkan di atas tanah berkeluasan 2.09 ekar dan menawarkan satu (1) blok kediaman berketinggian 42 tingkat. Terdapat sebanyak 254 unit rumah mampu milik yang ditawarkan dengan harga jualan RM300,000 seunit dengan keluasan 803 kaki persegi, 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Setiap unit rumah ini juga disediakan 1 unit tempat letak kereta.
5. Apa yang menguntungkan kepada para pembeli rumah ini adalah pemaju telah menyediakan kemudahan yang bertaraf kondominium seperti kolam renang, gelanggang serbaguna, tadika, surau, gimnasium, pondok pengawal keselamatan, taman permainan serta

infrastruktur awam lain untuk para penghuninya hidup dengan selesa.

6. Selain itu, lokasi projek ini juga amat strategik dengan segala kemudahan asas berdekatan yang boleh dinikmati oleh penduduk seperti sekolah, kompleks membeli-belah, bank serta klinik kesihatan rakyat. Kediaman ini amat bersesuaian untuk golongan belia bekerja serta keluarga muda.
7. Rangkaian perhubungan jalan raya sekitarnya juga adalah sangat strategik dan mudah kepada para pembeli rumah ini untuk mendapat akses terus ke Jalan Kuching, Jalan Ipoh, Jalan Kepong, Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MMR2).
8. Saya difahamkan bahawa kemudahan MRT (*Mass Rapid Transit*) Jajaran 2 juga sedang dalam pembinaan dan terletak berdekatan dengan lokasi projek perumahan ini. Stesen MRT Jinjang terletak lebih kurang 1 kilometer dari tapak projek ini dan dijangka siap menjelang tahun 2022.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Saya difahamkan bahawa projek ini akan memulakan fasa pembinaan pada bulan ini dengan tempoh pelaksanaan selama 36 bulan. Projek ini dijangka siap menjelang Mei 2020 nanti.
10. Seperti semua projek RUMAWIP lain, Residensi Enesta Kepong ini adalah terikat dengan sekatan jualan atau moratorium selama 10

tahun bagi membendung spekulasi harta tanah daripada berlaku tanpa kawalan dan juga menjamin kepentingan golongan sasar iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dalam memiliki kediaman sendiri.

11. Saya ingin menasihatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya mematuhi moratorium yang telah Kerajaan tetapkan. Walaupun setelah tamat tempoh moratorium tersebut, simpanlah harta tanah ini kerana manfaatnya bukan sahaja untuk kita bahkan untuk masa depan anak cucu kita kelak.
12. Saya juga ingin memaklumkan berita baik buat pembeli RUMAWIP Residensi Enesta Kepong ini, di mana pihak pemaju telah bersetuju untuk menghadiahkan setiap pembeli dengan 2 unit pemanas air percuma. Pemaju turut menawarkan pakej pemilikan mudah bayar kepada pembeli, iaitu pembeli hanya perlu membayar deposit sebanyak RM5,000 sahaja semasa menandatangani Perjanjian Jual Beli, manakala baki RM25,000 boleh dijelaskan secara ansuran dalam tempoh 24 bulan tanpa dikenakan sebarang faedah. Turut dikecualikan adalah Yuran Guaman untuk Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman. Oleh itu, para pembeli yang berminat jangan lepaskan peluang yang baik ini untuk menikmati pelbagai insentif yang menarik daripada pemaju. Terima kasih diucapkan kepada Thriven Amona Sendirian Berhad di atas usaha-usaha yang diambil ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

13. Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya seperti DBKL, PPj dan Perbadanan Labuan sentiasa berusaha memastikan projek-projek perumahan yang di peringkat Kelulusan Perintah Pembangunan ini dapat dipercepatkan ke peringkat pembinaan supaya ia dapat ditawarkan kepada rakyat secepat mungkin.
14. Suka untuk saya kongsikan pencapaian usaha Kerajaan dalam penyediaan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan seperti mana permintaan oleh rakyat. Sejak inisiatif RUMAWIP ini diperkenalkan dan mula dilaksanakan pada tahun 2013 yang lalu, pencapaian sehingga Mei 2017, Kementerian Wilayah Persekutuan telah berjaya mencapai sebanyak **55,694 unit** atau 70% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang kita tetapkan meliputi beberapa peringkat pelaksanaan iaitu “**Siap**”, “**Dalam Pembinaan**” dan “**Kelulusan Perintah Pembangunan atau *Development Order***”.
15. Bagi tahun 2017 dan seterusnya, akan ada lebih banyak lagi projek-projek RUMAWIP yang bakal dibina di lokasi strategik yang akan dibuka permohonannya kepada rakyat. Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk sama-sama mempromosikan inisiatif RUMAWIP ini supaya golongan sasaran yang berkelayakan dapat merebut peluang untuk membeli kediaman RUMAWIP di lokasi yang dihasratkan kelak.
16. Saya menyeru rakyat sekalian agar menyokong usaha pihak Kerajaan dalam memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik seperti ini.

- 17. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pecah Tanah Dan Sesi Pengundian RUMAWIP Residensi Enesta Kepong.**
- 18. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.**